

BERITA HARIAN

DATE: 29/7/2008

Nik Sapeia diarah bela diri sebabkan Dr M cedera

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad dan Betty Subaryati
bhnews@bharian.com.my

KOTA BHARU: Mahkamah Majistret di sini, memerintahkan ahli perniagaan Datuk Nik Sapeia Nik Yusoff, 53, membela diri terhadap tuduhan menyebabkan kecederaan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad dan tiga orang lagi secara menyembur bahan berbahaya dua tahun lalu.

Majistret Azman Mustapha memutuskan demikian selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya mewujudkan kes *prima facie* terhadapnya.

Ketika membacakan keputusan penghakiman itu, Azman berpuas hati dengan pihak pendakwaan yang berjaya wujudkan *prima facie* terhadap kes berkenaan.

"Selepas mendengar keterangan saksi dan hujahan, saya berpuas hati dengan keterangan yang diberikan dan tertuduh harus bela diri kerana pendakwa berjaya mewujudkan *prima facie*," katanya ketika membacakan keputusan penghakiman di sini, semalam.

Sebaik keputusan dibaca, Nik Sapeia diberi tiga pilihan untuk membela diri sama ada memberi keterangan bersumpah di kandang saksi; memberi keterangan ber-

BH - 29/7/2008
sumpah di kandang tertuduh atau berdiam diri.

Sebelum membuat keputusan, ahli perniagaan itu sempat berbincang dengan peguam belanya, Zainal Abidin Mustaffa sebelum memilih untuk memberi keterangan bersumpah di kandang saksi.

Nik Sapeia didakwa menyembur bahan berbahaya dengan alat penyembur yang boleh menyebabkan kecederaan terhadap Dr Mahathir serta tiga yang lain iaitu Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali; Nasir Muda dan Suberi Sahidan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Che-



SOKONGAN MORAL: Nik Sapeia (tengah) dan isteri, Datin Dr Suriani Yahya di luar Mahkamah Kota Bharu, selepas perbicaraan semalam. Turut kelihatan Kayveas.

pa, dekat sini, kira-kira jam 11 pagi pada 28 Julai 2006, mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh dipenjarakan sehingga tiga tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu.

Pendakwaan dilakukan

Timbalan Pendakwa Raya Wan Abdul Razak Wan Husin yang mewakili Timbalan Pendakwa Raya Raja Rozela Raja Toran.

Keputusan perbicaraan dibacakan bermula jam 9.30 pagi hanya mengambil masa hampir 20 minit dan turut disaksikan Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP)

Datuk Seri M Kayveas serta ahli tertinggi parti itu.

Sebelum itu, Nik Sapeia bersama Kayveas tiba di Mahkamah Tinggi Kota Bharu dengan diiringi lebih 1,000 penyokong parti itu dan polis terpaksa membuat kawalan bagi mengelak mahkamah sesak, sekali gus melancarkan perbicaraan lain.